

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI KELANTAN BILANGAN 7 TAHUN 2026

PROSEDUR PERIZABAN TANAH BAGI TUJUAN WAKAF KEPADA MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT MELAYU KELANTAN

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan kali ke 27/2025 yang bersidang pada 31 Disember 2025 telah membuat keputusan berkenaan penambahbaikan prosedur perwakafan tanah kepada Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan sebagaimana berikut :

1. Wakaf Am

1.1 Bagi mana-mana tanah yang diwakafkan bagi maksud wakaf am, pewakafan dibuat melalui kaedah pindahmilik tanah kepada MAIK:

- 1.1.1 Pewakafan melalui kaedah pemilikan dilaksanakan bagi tanah-tanah yang diserahkan bagi maksud Wakaf Am sahaja.
- 1.1.2 Kaedah pewakafan dibuat melalui instrumen pindahmilik Borang 14A jika pewakafan itu melibatkan keseluruhan tanah milik pewakaf.
- 1.1.3 Jika pewakafan hanya melibatkan sebahagian tanah pewakaf, pewakafan boleh dibuat melalui instrumen 14A melainkan pindahmilik itu terhalang dibuat seksyen 205(3) KTN.
- 1.1.4 Bagi tanah yang terhalang dari pindahmilik, pewakafan hendaklah dibuat melalui proses serahbalik di bawah seksyen 200 KTN dan berimilik semula dibawah seksyen 76 KTN kepada MAIK.
- 1.1.5 Pindahmilik ini hendaklah tidak menyebabkan pertukaran jenis hakmilik.

1.1.6 Proses penyaksian Borang 14A dan pendaftaran pindahmilik hendaklah dibuat di Pejabat Tanah.

1.1.7 Manakala jika permohonan tersebut memerlukan permohonan serahbalik sebahagian tanah, penyaksian di buat di hadapan mana-mana pegawai MAIK yang dilantik sebagai Penolong Pentadbir Tanah.

2. Wakaf Khas

2.1 Bagi mana-mana tanah yang diwakafkan bagi maksud wakaf khas seperti masjid dan tanah perkuburan, pewakafan dibuat berdasarkan situasi berikut:

2.1.1 Wakaf keseluruhan tanah

- (i) Jika tanah yang diwakafkan melibatkan keseluruhan tanah. Maka tanah tersebut hendaklah diserahkan melalui borang 12A dan dirizabkan di bawah seksyen 62 KTN bagi maksud tanah itu diwakafkan.
- (ii) Penyaksian borang 12A akan dibuat dihadapan pegawai-pegawai MAIK yang dilantik sebagai Penolong Pentadbir Tanah.
- (iii) Permohonan dibawah seksyen 197 dan seksyen 62 akan dikemukakan serentak kepada Pentadbir Tanah dan kelulusan serentak akan diberi oleh Pentadbir Tanah atau Pengarah Tanah dan Galian mengikut mana yang wajar.

2.1.2 Wakaf sebahagian tanah

- (i) Jika tanah yang diwakafkan adalah sebahagian sahaja dari keluasan keseluruhan tanah, dan semua pemilik (sama ada di bawah pemilikan tunggal atau dibawah hakmilik Bersama) bersetuju dengan pewakafan tersebut, tanah tersebut hendaklah diserahkan melalui Borang 12B dan dirizabkan di bawah seksyen 62 KTN bagi maksud tanah itu diwakafkan. Bagi maksud ini penyaksian Borang 12B dibuat dihadapan pegawai MAIK yang dilantik sebagai Penolong Pentadbir Tanah.

- (ii) Jika pewakafan sebahagian tanah itu hanya dibuat oleh sebahagian pemilik sahaja bagi tanah yang dipegang di bawah hakmilik bersama, pewakafan kepada MAIK dibuat dengan kaedah pindahmilik melalui instrumen Borang 14A. Bagi maksud ini, penyaksian borang 14A dibuat di Pejabat Tanah.
- (iii) Bagi tanah yang dipindahmilik melalui instrumen 14A, syarat nyata tanah masih tidak berubah kepada tujuan tanah tersebut diwakafkan, MAIK hendaklah dengan seberapa segera membuat permohonan ubah syarat kegunaan tanah. Kegagalan membuat perubahan kepada kategori dan syarat kegunaan tanah boleh menyebabkan tanah tersebut bertanggung kepada pelucuthakan.

3. Bagi permohonan di bawah seksyen 197 KTN/ seksyen 200 KTN dan seksyen 62 KTN dibuat serentak sebagaimana cara berikut:

- i) Memandangkan urusan pemilik tanah telah diselesaikan di satu pusat sahaja iaitu di pejabat MAIK, maka semua urusan permohonan dengan PTJ tidak perlu lagi dibuat oleh pemilik tanah.
- ii) Sebaliknya semua urusan permohonan dilaksanakan oleh MAIK.
- iii) MAIK akan mengemukakan permohonan serahbalik tanah di bawah seksyen 197 / seksyen 200 kepada PTJ serentak dengan permohonan perizaban di bawah seksyen 62.
- iv) Kos permohonan akan ditanggung oleh MAIK dan bayaran-bayaran pejabat di bawah Kaedah-Kaedah Tanah Kelantan 1966. Jika tanah tersebut mempunyai tunggakan hasil tanah, MAIK akan menanggung 50% daripada jumlah tunggakan atau tidak lebih RM500 mengikut mana yang terendah.
- v) Kelulusan serentak boleh diberikan sekiranya PTG atau PTJ diberi perwakilan kuasa melulus perizaban tanah bagi maksud wakaf.

4. Pegawai-pegawai berikut telah diwartakan sebagai Penolong Pentadbir Tanah di bawah perenggan 12(1)(b) Kanun Tanah Negara bagi maksud penyaksian permohonan di bawah seksyen 197 (Borang 12 A) atau seksyen 200 (Borang 12B) Kanun Tanah Negara (Akta 828), terhad bagi maksud pewakafan tanah sebagaimana warta kerajaan no. 1274-2026 bertarikh 11 Jun 2026.

5. Memberi perwakilan kuasa no. warta 1275-2026 bertarikh 11 Jun 2026 kepada Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kelantan dan semua Pentadbir Tanah Jajahan di bawah seksyen 13 Kanun Tanah Negara bagi meluluskan perizaban tanah di bawah seksyen 62 Kanun Tanah Negara bagi tujuan wakaf seperti berikut :


- (i) Bagi tanah Kerajaan hasil serahan tanah di bawah hakmilik Penjabat Pendaftar, kuasa melulus diberi kepada Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kelantan.
- (ii) Bagi tanah Kerajaan hasil serahan tanah di bawah hakmilik Pejabat Tanah, kuasa melulus diberi kepada Pentadbir Tanah Jajahan.

6. Memberi perwakilan kuasa no. warta 1275-2026 bertarikh 11 Jun 2026 kepada Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kelantan dan Pentadbir Tanah Jajahan di bawah seksyen 13 Kanun Tanah Negara bagi meluluskan pemberimilikan tanah di bawah seksyen 76 Kanun Tanah Negara bagi tujuan wakaf seperti berikut :

- (i) Bagi tanah Kerajaan hasil serahan tanah di bawah hakmilik Pejabat Pendaftar, kuasa melulus diberi kepada Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kelantan.
- (ii) Bagi tanah Kerajaan hasil serahan tanah di bawah hakmilik Pejabat Tanah, kuasa melulus diberi kepada Pentadbir Tanah Jajahan.

7. Perwakilan kuasa di para 5 dan 6 di atas tidak melibatkan perizaban tanah bagi tanah yang asalnya tanah Kerajaan (bukan hasil serahan tanah berimilikan). Perizaban tanah Kerajaan kategori ini perlu diangkat untuk pertimbangan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kelantan.

8. Meluluskan secara dasar (blanket approval) permohonan-permohonan kebenaran pindahmilik di bawah Seksyen 120 Kanun Tanah Negara, Seksyen 104(i) Enakmen Tanah Kelantan 1938 dan Seksyen 13A Enakmen Rizab Melayu Kelantan 1930 kepada Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan bagi tanah-tanah wakaf dengan tertakluk kepada bayaran-bayaran mengikut Kaedah-Kaedah Tanah Kelantan 1966.



DATO' HAJI RAISAN BIN HAJI DAUD, D.P.S.K., P.M.K. (Kelantan)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN

KEPADA:

Yang Amat Berusaha
Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan

SALINAN KEPADA:

1. YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar Negeri Kelantan
2. YB Dato' Timbalan Menteri Besar Negeri Kelantan
3. YBM Tengku Kaya Perkasa Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
4. YB Tuan Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
5. YB Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
6. YBhg. Dato' Timbalan Yang Dipertua Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan
7. YBrs. Pengarah Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan
8. YABrs. Pengarah Audit Negeri Kelantan

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN
BLOK 3, KOTA DARULNAIM
15576 KOTA BHARU KELANTAN.

NO. FAIL : PTG.KN.11/6/1 JLD.3 ()
BERTARIKH : 07 SAFAR 1448H bersamaan
22 JULAI 2026